

Wanita bonceng motosikal bawa beg bunga ganja

Rantau Panjang: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan merampas lebih 102 kilogram (kg) ipercayai bunga ganja bernilai RM10 juta yang diseludup dari negara jiran selepas membuat rampasan di dua lokasi di sini, Rabu lalu.

Pengarah JKDM Kelantan Van Jamal Abdul Salam Long berkata, rampasan itu dilakukan di pintu on bebas cukai dan stesen as di sini.

Katanya, pihaknya turut menahan tiga individu ternasuk dua wanita bersama arang rampasan terbabit.

"Rampasan pertama dilakukan jam 10.30 pagi selepas membuat pemeriksaan terhadap tiga beg yang ditinggalkan di pintu 1 zon bebas cukai.

"Hasil pemeriksaan mendapati tiga beg itu mengandungi 88 paket plastik lut sinar yang disyaki mengandungi bunga ganja.

"Pada masa sama, kami memeriksa seorang perempuan yang membonceng motosikal bersama beg dibawa melalui pintu 1 terbabit sebelum mendapati ada 32 paket plastik lut sinar disyaki berisi bunga ganja.

"Semua beg disyaki mengandungi bunga ganja dan perempuan ditahan itu dibawa ke Pejabat Bahagian Penguatkuasaan JKDM Rantau Panjang untuk siasatan," katanya dalam kenyataan media di sini, semalam.

Menurutnya, hasil siasatan terhadap suspek berkenaan, serbuan susulan



BEG berisi bunga ganja yang dirampas jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan.

dilakukan di Hentian Bas Rantau Panjang sebelum merampas dua beg lagi yang mengandungi 60 paket plastik lut sinar mengandungi bunga ganja.

Katanya, dua individu iaitu seorang lelaki dan perempuan turut ditahan.

"Keseluruhan rampasan membabitkan enam beg mengandungi 180 paket plastik lut sinar dengan anggaran berat lebih kurang 102.178 kg bernilai RM10 juta.

"Modus operandi adalah bunga ganja diseludup melalui pengkalan haram di sepanjang Sungai Golok sebelum dibawa melalui Zon Bebas Cukai Rantau Panjang sebelum dipasarkan," katanya.